



● DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD...  
menentang neo-kolonial.

© Dr. M.

# Bayang-bayang campur tangan luar dalam politik negara

BM 5 APR 1987

## Oleh PENA PEMERHATI

**P**ELBAGAI dakwaan dan tuduhan dibuat oleh pihak-pihak yang saling bersaing hebat untuk jawatan pimpinan Umno.

Di antara dakwaan yang meluas tersebar ialah Kerajaan, atau lebih tegas lagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah bertanggungjawab ke atas kejatuhan harga barang-barang mentah, pengurangan pelaburan asing dan sekaligus kemuraman suasana ekonomi.

Kononnya harga getah, timah dan kelapa sawit jatuh oleh sebab sikap Dr Mahathir yang sering sangat mengecam negara-negara kapitalis Barat, sebagai pelabur asing dan pembeli besar bahan-bahan mentah itu.

Mengikuti beberapa tokoh dari golongan yang menentang Dr Mahathir, mengurangkan pelaburan dan menurunkan harga bahan-bahan itu ialah satu cara negara-negara itu menyerang balas.

Bahkan ada pula yang seolah-oleh mendakwa sekiranya Dr Mahathir dapat ditewaskan, maka pihak penggantinya akan dapat, barangkali dengan restu dari negara-negara kapitalis Barat itu, menyelesaikan masalah harga bahan mentah dan kelesuan ekonomi negara kini.

Benarkah Dr Mahathir anti-Barat atau lebih serius lagi anti-imperialis?

Memang diketahui umum bahawa sejak berkhidmat sebagai menteri dalam kerajaan Dr Mahathir banyak membuat ucapan di forum-forum antarabangsa, mengkritik setengah-setengah negara Barat dan sikap rakyat — terutama pekerjanya — yang malas serta kurang berdisiplin.

Bahkan lanjutan daripada ini beliau, selepas menjadi Perdana Menteri, mengutarakan supaya Barat jangan dijadikan teladan pembangunan. Jepun lebih maju dari segi ekonomi dan teknologi; pekerja-pekerjanya lebih rajin, dedikasi dan berdisiplin. Jepunlah model negara kapitalis yang lebih berjaya. Maka bermulalah Dasar Pandang ke Timur.

Berlatarbelakangkan Dasar Pandang ke Timur dan kontroversi yang timbul di antara Malaysia dengan Britain mengenai kenaikan yuran bagi pelajar-pelajar asing dan hak mendarat bagi MAS, maka Dr Mahathir menggariskan arahan supaya Malaysia membeli barang-barang British akhir sekali.

Ini adalah suatu tamparan ekonomi yang kuat terhadap Britain, yang sentiasa menganggap dirinya sebagai teman perdagangan tradisional Malaysia yang karib.

Sebagai Perdana Menteri Dr Mahathir seringantang bercakap mengenai neo-kolonialisme atau penjajahan bentuk baru. Dari pentas persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pergerakan Berkecuali beliau banyak menyuarakan pendirian dunia ketiga yang menyokong perjuangan hak rakyat Palestin dan menentang regim Zionis Israel serta juga regim apartheid Afrika Selatan.

Tetapi adakah semua ini sudah cukup untuk menyatakan bahawa Dr Mahathir benar-benar anti-Barat atau lebih-lebih lagi anti-imperialis?

Memang agak jelas pendirian beliau boleh dikatakan anti-British. Tetapi tidak tepat jika dianggap beliau sebagai anti-Barat seluruhnya. Jikalaupun sikap anti-British itu hendak dikira sebagai sebahagian daripada atau melambangkan sikap anti-Barat, namun tidak bermakna pula beliau sudah anti-imperialis.

Benar bahawa dalam ucapan-ucapannya beliau mengecam neokolonialisme. Tetapi belum nyata lagi semangat ucapan-ucapan itu terjelma dalam bentuk tindakan-tindakan kerajaan yang tegas menentang moral antarabangsa.

Dr Mahathir menentang kuasa-kuasa neo-kolonial yang tidak mahu memberikan peluang yang adil kepada negara-negara membangun. Beliau sering mengecam ketidakseimbangan keadaan, di mana hasil pengeluaran dari dunia ketiga sentiasa lebih rendah, secara perbandingan, daripada hasil pengeluaran dari negara-negara neokolonial itu.

Keadilannya yang beliau desak dan keseimbangan layanan dan peluang yang beliau tuntut. Tetapi ini tidak sampai kepada desakan atau tuntutan supaya penguasaan ekonomi Barat di negeri ini, umpamanya, harus dikikis habis.

Sebaliknya, pengaruh neo-kolonialisme di rantau ini, termasuk Malaysia, masih kukuh lagi di dalam bidang ekonomi, politik serta kebudayaan. Bahkan dasar mempertingkatkan dan mengalu-alukan kedatangan modal asing hanya akan memperkukuhkan lagi kuasa dan pengaruh neo-kolonial itu.

Begitu juga dengan sikap pandang ke Timur. Berpaling kepada Jepun tidak bererti menentang Barat. Jepun, bersama-sama dengan Britain dan Amerika, adalah sebahagian daripada kuasa modal antarabangsa yang paling berpengaruh. Seperti disebutkan awal tadi Jepun adalah model negara kapitalis yang lebih berjaya daripada Britain, umpamanya.

Perkara yang hendak ditegaskan di sini ialah tidak ada bukti yang kuat untuk menegaskan bahawa Dr Mahathir bersikap atau bertindak dengan begitu cara sehingga boleh menimbulkan dendam kesumat

di kalangan negara-negara Barat yang bercorak neokolonial.

Ertinya, tidak tepat untuk dipersalahkan beliau sebagai punca kejatuhan harga bahan-bahan mentah keluaran negeri kita. Sebagaimana yang sering dijelaskan oleh pelbagai pihak, kemelesetan ekonomi yang melanda dunia kapitalis Barat kini telah mengakibatkan kejatuhan harga bahan-bahan mentah di merata dunia.

Dr Mahathir boleh dipersalahkan mengenai banyak hal yang ada kaitannya dengan beberapa aspek pengurusan ekonomi dan pentadbiran negeri. (Hal-hal ini bukan menjadi pokok perbincangan dalam masalah ini.) Tetapi tiadalah alasan untuk mempersalahkan beliau sepenuhnya kerana kejatuhan harga barangan eksport kita.

Kita tahu harga getah, kelapa sawit, timah dan sebagainya turun naik mengikut pasaran dunia. Sekarang ada tanda-tanda harga getah dan kelapa sawit mulai naik sedikit. Adakah ini bererti bahawa Dr Mahathir kurang anti-Barat pula?

Belum lagi kita mendengar Tengku Razaleigh Hamzah atau Datuk Musa Hitam mendakwa bahawa mereka boleh menyelesaikan masalah harga barangan dan ekonomi negara. Tetapi mungkin ada asasnya untuk menegaskan bahawa mereka ini lebih disenangi oleh Britain dan Amerika sekurang-kurangnya.

Memang boleh orang mendakwa bahawa Tengku Razaleigh juga mempunyai sikap menentang sedikit modal Barat. Sikap nasionalisme ekonomi walaupun samar-samar kadang-kadang terbayang dalam beberapa ucapannya sewaktu menjadi Menteri Kewangan.

## Terus terang

Bahkan Akta Petroleum yang dipelopori oleh beliau dianggap oleh banyak pihak sebagai jelmaan daripada sikap serong nasionalis ekonomi. Tetapi, kita tahu bahawa akta itu akhirnya ditarik balik atas desakan syarikat-syarikat besar antarabangsa.

Nampaknya, sikap nasionalis ekonomi yang dijelaskan itu lebih melambangkan usaha untuk memperluaskan peluang kepada pemodal-pemodal tempatan. Ia bukan untuk kesejahteraan negara dan rakyat umumnya, tetapi untuk kepentingan golongan kapitalis tempatan yang tertentu.

Kebetulan sebahagian besar daripada mereka ini adalah saudagar-saudagar Cina yang rapat di segi ekonomi dan sosial dengan Tengku Razaleigh. Maka itulah timbul sangkaan serta dakwaan bahawa beliau lebih mementingkan pemodal-pemodal bukan Melayu.

Sekarang imej Tengku Razaleigh sebagai nasionalis ekonomi sudah malap. Peluang beliau untuk menolong pemodal tempatan pun terbatas. Tetapi bagi kebanyakan golongan di Barat, beliau lebih mudah difahami daripada Dr Mahathir.

Lagi pula, pendirian-pendirian beliau setakat ini dalam hubungan antarabangsa tidak ada yang menuk sangat ke dalam hati kuasa-kuasa Barat itu.

Seperti Datuk Musa juga, beliau tidak pernah mengecam Barat secara terus-terang, tidak kuat menentang neo-kolonialisme atau zionisme, tidak pantas menyokong gerakan pembebasan Palestin dan tidak dianggap mirip Keisiaman. Seterusnya, Datuk Musa pula memang sudah lama terkenal sebagai pe-

mimpin pelajar yang pernah terbabit dengan badan-badan pelajar pro-Barat.

Dari beberapa segi pemimpin seperti Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam lebih disenangi oleh pihak British dan Amerika daripada Dr Mahathir.

Tetapi adakah berkemungkinan, atas alasan ini semata-mata, kuasa-kuasa besar asing sanggup campur tangan untuk menjatuhkan pemimpin seperti Dr Mahathir?

Amerika Syarikat memang terkenal dengan sikapnya mahukan negara atau pemimpin dari dunia ketiga menjadi sekutu dan tidak hanya sahabat. Sekutu itu dikehendaki menyokong apa yang disokong dan menentang apa yang ditentang oleh pemerintah Amerika.

Kalau boleh sekutu itu hendaklah popular di kalangan rakyat. Pemimpin yang popular dan tidak mahu menjadi sekutu yang setia, tetapi sebaliknya memperlihatkan sikap penentangan, akan dijatuhkan. Itulah nasib Sukarno, Nkrumah, Ben Bella dan Nasir umpamanya.

Begitu juga, sekutu yang taat tetapi sudah dibenci oleh rakyat juga perlu disingkir. Begitulah yang berlaku kepada Ngo Dinh Diem, Marcos dan Duvalier.

Pemimpin-pemimpin Malaysia yang ingin diterima sebagai sekutu yang disokong penuh oleh Amerika tentu sekali perlu membayar harga yang mahal. Apakah harga itu? Tinggi dan banyak; tetapi yang paling penting antaranya ialah:

● Pertama, dari segi ekonomi Malaysia hendaklah membuka peluang sepenuhnya kepada pengaruh, bahkan dominasi Amerika. Amerika mahu menguasai ekonomi dan politik di kawasan Pasifik Basin. Tetapi Malaysia kini tidak lagi menyokong konsep ini. Amerika mahu, kalau boleh, memonopoli segala sumber dan kegiatan ekonomi di rantau Asia Tenggara. Tetapi dasar Malaysia sekarang lebih menguatkan Jepun daripada Amerika.

● Kedua, dari segi ketenteraan, Malaysia hendaklah memberi pangkalan dan laluan mudah kepada angkatan bersenjata Amerika di rantau ini. Amerika ingin menguasai sepenuhnya Selat Melaka yang sangat strategik itu. Ia mahu pangkalan yang selamat sebagai pengganti Subic Bay, sekiranya apa-apa berlaku di Filipina.

Kawasan Timur Malaysia yang menghadap Lautan China Selatan adalah yang paling baik. Usaha-usaha permulaan menuju ke sini telah dibuat setahun dua lalu dengan rancangan membina kapal selam di Labuan. Tetapi rancangan ini terbantut.

● Ketiga, dari segi politik, Malaysia perlu menuruskan dasar anti-komunis dan menjauhkan diri dari kuasa-kuasa Timur yang anti-Amerika. Seterusnya ia perlu merapati blok Amerika dan mengutamakan hubungan dengan blok ini, bukan blok lain.

Kini Malaysia mengutamakan hubungannya dengan negara-negara Islam dan negara-negara dunia ketiga yang lain. Imej Islam dan pro-Palestin hendaklah dikurangkan.

Siapakah pemimpin yang akan sanggup tunduk kepada tuntutan-tuntutan imperialis Amerika ini?

Malaysia di bawah Dr Mahathir belum sanggup lagi menjadi sekutu kepada Amerika. Namun begitu Malaysia dan Dr Mahathir belum pula dianggap sebagai terlalu mencabar atau mengancam kepentingan ekonomi dan politik negara besar itu. Namun begitu Dr Mahathir dan Malaysia tidak pernah dicap sebagai musuh Amerika.

Tetapi ada banyak golongan di Amerika dan juga beberapa negara Barat lain yang sakit hati dengan pendirian dan tindak-tanduk Dr Mahathir yang terkenal itu. Setengah daripada mereka mempunyai pertalian, pengaruh dan lobi yang kuat dengan elita pemerintahan di Amerika.

Golongan-golongan ini ada yang ingin melihat Dr Mahathir diganti. Mereka boleh, dan mungkin sudahpun, menjalankan usaha-usaha untuk memulakan proses destabilisasi di negeri ini. Proses ini melibatkan usaha mengkocakkan keadaan tidak stabil dalam masyarakat sehingga dapat ditimbulkan kemarahan rakyat terhadap pemimpin-pemimpin tertentu.

Ada di antara golongan ini yang memiliki atau menguasai media massa dan boleh mempengaruhi kumpulan-kumpulan atau individu-individu di dunia ketiga. Menerusi berjenis-jenis bantuan atau pertolongan mereka boleh digerakkan dengan pelbagai cara.

Tetapi harus diingat bahawa usaha-usaha destabilisasi dari luar ini tidak akan mendapat sambutan sekiranya tidak ada perkara-perkara atau peristiwa-peristiwa dalam negeri yang boleh menimbulkan kemarahan ataupun kesangsian rakyat.

Misalannya, berita dan ulasan akhbar luar negeri tentang korupsi dan salah guna kuasa tidak akan menjadi hangat sekiranya pelbagai penyelewengan itu tidak berlaku dan tidak pula digelapkan oleh media massa tempatan.

Seperkara lagi, berita atau ulasan dalam media luar negeri itu tidak besar sangat ertinya dari segi politik negara jika dia ditulis secara bebas dan tersendiri oleh wartawan yang mencatatkan apa yang benar-benar berlaku.

Tetapi sekiranya ia adalah sebahagian daripada usaha besar yang diselaraskan untuk menimbulkan keadaan politik yang tidak stabil dalam negeri, maka ia lebih serius dan bahaya.

Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa proses destabilisasi di negeri ini seolah-olah diselenggarakan di antara golongan luar dan dalam negeri. Setakat manakah mungkin, ataupun sudah, golongan-golongan luar yang berkenaan dapat mempengaruhi elita pemerintah mereka sendiri!

Kita mengetahui daripada pengalaman-pengalaman di negara lain bahawa sekiranya pemerintah Amerika Syarikat sudah dipengaruhi untuk membuat keputusan, maka dengan tidak segan atau silu ia akan menggunakan segala alat untuk menjatuhkan mana saja kerajaan atau pemimpin yang tidak disukai. Wang, senjata dan juga manusia mudah saja dicurahkan.

Lihat saja apa yang dilakukan oleh Amerika melalui alat-alatnya untuk menjatuhkan Mussadeq dan mengembalikan Shah Iran dulu. Lihat juga apa yang telah dan sedang dilakukan oleh Amerika Syarikat di Nicaragua sekarang.

Tetapi keadaan di Malaysia kini jauh daripada apa yang dialami oleh Iran sewaktu Mussadeq dan Nicaragua di bawah golongan Sandinista.

Tidak jelas bukti bahawa Dr Mahathir mengancam secara langsung kepentingan ekonomi dan politik Amerika. Tidak ada tanda juga Dr Mahathir hendak berusaha menggerakkan tenaga seluruh rakyat untuk menentang imperialisme.

Itu sebabnya belum terang lagi penjelmaan campur tangan kuasa luar dalam menentukan arah perkembangan politik negeri ini, walaupun bayang-bayang samarnya sudah mula kelihatan. □